

PENASIHAT BRITISH DI TERENGGANU: FAKTOR, PERANAN DAN KONFLIK TERHADAP MASYARAKAT MELAYU, 1909-1928

*THE BRITISH ADVISER IN TERENGGANU: FACTORS, ROLES, AND CONFLICTS
AFFECTING THE MALAY SOCIETY, 1909–1928*

Muhammad Naim Fakhirin REZANI

Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala
Terengganu, Terengganu
naim_fakhirin@yahoo.com

Dihantar pada: 4 Jun 2025
Submit on: 4th June 2025

Diterima pada: 29 September 2025
Accepted on: 29th September 2025

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai pelantikan Penasihat British terhadap pentadbiran negeri Terengganu pada tempoh 1909 hingga 1928. Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis faktor yang mendorong pelantikan penasihat dan peranan yang dimainkan oleh mereka dalam struktur pentadbiran negeri serta konflik yang berlaku terhadap masyarakat ekoran daripada proses tersebut. Pelantikan Penasihat British sering dijustifikasikan sebagai usaha untuk memodenkan sistem pentadbiran Terengganu yang dikatakan lemah, namun pada hakikatnya ia bertujuan memperkukuh dominasi British secara halus. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersandarkan kepada sumber primer yang diperoleh dari National Archive, Kew seperti *Colonial Office* (CO), *Foreign and Commonwealth Office* (FCO), *Foreign Office* (FO) dan laporan rasmi dari Pejabat Penasihat British di Terengganu. Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber sekunder seperti buku dan kajian sarjana terdahulu bagi mendapatkan kesinambungan dengan sumber primer tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelantikan Penasihat British dalam pentadbiran negeri secara langsung telah menghakis kedaulatan institusi tradisional dan menjadi pencetus awal kepada perubahan landskap politik Terengganu sehingga berlakunya konflik antara British dan masyarakat. Kajian ini turut menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam terhadap bentuk penjajahan terselindung dan kesannya terhadap pembentukan kesedaran politik tempatan.

Kata kunci: penasihat British; pentadbiran kolonial; negeri Melayu; politik; kedaulatan tempatan

ABSTRACT

This study examines the appointment of British Advisors in the administration of the state of Terengganu during the period 1909 to 1928. The main focus of this study is to analyze the factors that prompted the appointment of Advisors, the role they played in the state's administrative structure and

the conflicts that occurred with the community as a result of the process. The appointment of British Advisors is often justified as an effort to modernize the Terengganu administrative system, which is said to be weak, but in reality, it was intended to subtly strengthen British dominance. This study uses a qualitative approach based on primary sources obtained from the National Archive, Kew such as the Colonial Office (CO), Foreign and Commonwealth Office (FCO), Foreign Office (FO) and official reports from the British Advisor Office in Terengganu. In addition, this study also uses secondary sources to obtain continuity with the primary sources. The study findings show that the appointment of British Advisors in the state administration directly eroded the sovereignty of traditional institutions and became the initial trigger for changes in the political landscape of Terengganu, leading to conflicts between the British and the community. This study also contributes to a deeper understanding of the hidden forms of colonialism and its impact on the formation of local political consciousness.

Keywords: British Adviser; colonial administration; Malay states; politic; local sovereignty

Pengenalan

Sebelum penglibatan secara langsung oleh British terhadap pentadbiran, Terengganu merupakan salah satu negeri Melayu yang berada di bawah pengaruh Kerajaan Siam. Sultan dari Terengganu menerima hadiah tahunan dan lambang kebesaran daripada Bangkok (Adirex, 2020). Perkara ini merupakan tradisi yang membuktikan keabsahan naungan Siam terhadap Terengganu dan berlaku sejak Pemerintahan Rattanakosin (FO 93/95/16). Dalam tempoh tersebut, Siam menganggap Terengganu adalah sebahagian dari wilayah mereka, termasuk Kelantan dan Kedah. Walaupun begitu, Terengganu masih mengekalkan autonomi dalaman dan tidak melibatkan pengaruh kuasa Barat secara langsung. Keadaan ini berubah secara langsung selepas termeterainya Perjanjian Bangkok 1909, iaitu perjanjian antara British dan Siam yang menjadi signifikasi terhadap permulaan campur tangan British di Terengganu, Kelantan dan Kedah (Snidvongs, 2023).

Campur tangan British di negeri Terengganu merupakan sebahagian daripada strategi perluasan kuasa British di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Walaupun Terengganu tidak diletakkan dalam pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, namun pengaruh British tetap berkembang melalui perjanjian antarabangsa, tekanan diplomatik dan perjanjian bilateral dengan pemerintah tempatan. Proses ini tidak berlaku secara langsung dan serta-merta, sebaliknya melalui beberapa fasa penting yang melibatkan perubahan geopolitik serantau (Snidvongs, 2023). Antara tindakan yang dilakukan oleh British bagi mengukuhkan kedudukan kuasa kolonial tersebut adalah melantik seorang penasihat dalam pentadbiran negeri Terengganu. Pelantikan Penasihat British di Terengganu merupakan langkah penting yang mencerminkan strategi perluasan dan pengukuhan pengaruh politik British di negeri tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini menumpukan perhatian terhadap pengalaman sejarah negeri Terengganu dalam proses pengukuhan kuasa British melalui mekanisme pelantikan Penasihat British. Penelitian ini turut memperincikan dinamika konflik yang tercetus dalam kalangan masyarakat Melayu Terengganu sebagai reaksi terhadap pelantikan tersebut, yang secara tidak langsung mencerminkan pertentangan antara autoriti tempatan dengan hegemoni kuasa kolonial.

Kajian Literatur

Kajian sejarah tentang negeri Terengganu dalam tempoh penjajahan telah banyak dilakukan oleh sarjana terdahulu. Walaupun begitu, kajian yang dilakukan tidak memperincikan mengenai pelantikan Penasihat Negeri British berdasarkan kepada peranan dan konflik yang berlaku. Antara kajian tersebut adalah Izziah (2024) membincangkan sorotan tentang latar politik, sosial dan agama di Terengganu dalam tempoh British mengukuhkan kedudukan di negeri ini. Walaupun kajian tersebut memberi penekanan terhadap aspek peranan penting para ulama dan institusi agama dalam memelihara kedaulatan negeri, namun kajian ini tidak memperincikan konflik yang berlaku antara ulama dan pihak British, terutamanya selepas Penasihat Negeri dilantik secara rasmi terhadap pentadbiran Terengganu.

Begitu juga dengan kajian oleh Ariffin & Haslinda (2020), kajian ini membincangkan mengenai kesan Perjanjian Anglo-Siam 1909 terhadap Negeri-negeri Melayu Utara, termasuk Terengganu. Kajian ini memberi penekanan terhadap implikasi perjanjian tersebut telah membuka ruang kepada imperialisme British yang membawa kesan negatif terhadap kedaulatan dan struktur sosial-politik tempatan. Namun begitu kajian ini tidak menyatakan

kesan pelantikan Penasihat Negeri British yang telah mengakibatkan konflik berlaku di Terengganu.

Selain itu, kajian oleh Wahab et al. (2022) mendapati bahawa pewartaan *Itqan al-Muluk bi Ta'dil as-Suluk* berjaya memperkukuh sistem politik Terengganu dengan menonjolkan pengaruh Islam yang kuat terhadap pentadbiran negeri. Undang-undang ini bukan sahaja mengekalkan kedaulatan negeri tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi, terutamanya melalui peningkatan pendapatan masyarakat di Terengganu. Walaupun begitu, kajian ini tidak memperincikan mengenai kesan kehadiran Penasihat Negeri British di Terengganu sehingga menimbulkan konflik dalam terhadap perundangan dan sosial masyarakat di negeri tersebut.

Dapatan kajian Mokhtar (2021) pula membincangkan campur tangan British terhadap negeri-negeri Melayu utara seperti Kelantan, Kedah dan Terengganu berdasarkan kepada tindakan imperialisme British, terutamanya bagi mendapatkan keuntungan ekonomi. Walaupun begitu, dapatan kajian ini tidak memperincikan mengenai campur tangan Penasihat Negeri British, terutamanya bagi tujuan ekonomi dan politik kuasa kolonial tersebut.

Kajian oleh Izziah & Ezad (2023) pula menyatakan Penggubalan *Itqan al-Muluk bi Ta'dil as-Suluk* oleh Sultan Zainal Abidin III Pada tahun 1911 merupakan tindakan untuk mengekang campur tangan Penasihat Negeri British dan mengukuhkan bidang kuasa Sultan sebagai pemerintah tertinggi dalam kerajaan negeri. Perbincangan turut tertumpu terhadap perlaksanaan undang-undang ini bertujuan menerapkan pengaruh Islam dalam pentadbiran Terengganu. walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan bentuk konflik yang berlaku di Terengganu, terutamanya melibatkan isu agama selepas Penasihat Negeri British di lantik secara rasmi di negeri tersebut.

Secara keseluruhan, kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu membincangkan mengenai kolonialisme British di Terengganu berdasarkan kepada konteks Perjanjian Bangkok 1909 terhadap politik dan ekonomi. Berpandukan kepada kajian-kajian tersebut, perbincangan mengenai pelantikan Penasihat Negeri British merangkumi faktor dan implikasi terhadap masyarakat di Terengganu akan diperincikan dalam bentuk kajian baharu.

Metodologi Kajian

Kajian yang dilakukan berkenaan pelantikan Penasihat British dalam pentadbiran negeri Terengganu ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan British yang diperoleh daripada dari National Archive, Kew seperti *Colonial Office* (CO), *Foreign and Commonwealth Office* (FCO) dan *Foreign Office* (FO). Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan situasi yang melibatkan Terengganu pada awal abad ke-20 sehingga 1920-an. Melalui penggunaan sumber primer tersebut, data yang diperoleh adalah secara langsung dari individu yang terlibat. Misalnya fail FCO 141/15919, *Attitude of the Sultan of Terengganu*. mengandungi data yang melibatkan laporan British terhadap perspektif Sultan Terengganu terhadap pelantikan Penasihat di negeri ini. Laporan ini seterusnya diolah dan disesuaikan semula berdasarkan data yang diperoleh dari dokumen yang lain dan sumber sekunder yang berkaitan dengan kajian.

Tindakan British dalam Usaha Meluaskan Pengaruh di Terengganu

Perluasan kuasa British di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, khususnya Terengganu merupakan sebahagian daripada strategi kolonialisme secara menyeluruh di Tanah Melayu. Walaupun Terengganu bukan negeri yang kaya dengan hasil bumi seperti Perak atau Selangor, namun kedudukannya yang strategik untuk perdagangan dan sebagai pusat ekonomi British menjadikan negeri tersebut penting dalam percaturan geopolitik antara kuasa-kuasa imperialis pada awal abad ke-20 (Lees, 2017). Terdapat pelbagai faktor yang mendorong British campur tangan di Terengganu seperti faktor ekonomi dan perubahan dasar di Britain, namun faktor strategik ketenteraan yang menjadi tujuan utama yang mendorong tindakan British di negeri-negeri Melayu Utara, termasuk Terengganu. Situasi tersebut merangkumi keperluan untuk mewujudkan dan mengawal zon penampan atau *buffer zone* bagi melindungi kepentingan mereka di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Tanah Melayu secara khusus daripada kuasa asing yang lain iaitu Perancis dan Jerman (FO 881/9012).

Konsep zon penampan dalam konteks imperialisme merujuk kepada kawasan atau negeri yang berfungsi sebagai pelindung antara wilayah kekuasaan sesebuah empayar dan potensi ancaman dari kuasa luar. Dalam hal ini, British melihat Terengganu, Kelantan dan Kedah sebagai kawasan penampan antara pengaruh langsung mereka di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan pengaruh Siam yang ketika itu memiliki hubungan politik dengan negeri-negeri tersebut. Pegawai Utusan British di Siam, Ralph Paget menyatakan kedudukan negeri Melayu di Utara semenanjung Tanah Melayu berpotensi sebagai zon penampan terhadap jajahan British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Singapura (FCO 141/16426). Selain itu, negeri Melayu di Utara ini memainkan peranan terhadap zon penampan dari kuasa asing yang lain seperti Perancis (FCO 141/16439). Perkara ini dapat dilihat melalui perubahan geopolitik serantau seurus Perancis mengukuhkan kedudukan mereka di Indochina. Kehadiran Perancis di Laos, Vietnam dan Kemboja membimbangkan British kerana wujud kemungkinan bahawa Siam yang menjadi sekutu Perancis akan membenarkan pengaruh kuasa Eropah itu menular ke Semenanjung (FCO 141/16439). Situasi tersebut mendorong British untuk menyusun tindakan bagi melindungi jajahan mereka di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Singapura.

Oleh demikian, strategi zon penampan merupakan faktor perluasan kuasa British ke atas Terengganu. Perjanjian Inggeris-Siam 1909 merupakan tindakan diplomatik utama bagi menjayakan matlamat strategi tersebut. Walaupun dari sudut luar, British menampilkan pelantikan penasihat sebagai langkah untuk membantu pemodenan pentadbiran, namun pada hakikatnya perkara tersebut merupakan langkah politik yang cermat untuk memastikan bahawa pengaruh asing tidak menembusi kawasan kepentingan mereka. Oleh itu, perincian perluasan kuasa British di Terengganu tidak lengkap tanpa mengambil kira peranan zon penampan sebagai tindakan bagi kawalan geopolitik kolonialisme.

Tindakan British dalam usaha meluaskan pengaruh di Terengganu tidak berlaku secara mendadak atau melalui penjajahan ketenteraan, tetapi melalui rangkaian tindakan diplomatik, tekanan halus dan manipulasi politik yang tersusun. Terengganu, sebagai salah sebuah Negeri Melayu Tidak Bersekutu, pada awal abad ke-20 masih mengekalkan hubungan tradisional dengan Siam dan belum tunduk sepenuhnya kepada British (Fan & Silahudin, 2024). Namun, keadaan ini berubah berdasarkan tindakan yang diatitkan oleh British yang bertujuan memastikan pengaruh kuasa kolonial tersebut dapat bertapak secara sah dan menyeluruh. Antara tindakan utama yang dilakukan oleh British dalam usaha meluaskan pengaruh di Terengganu adalah melalui Perjanjian Inggeris-Siam 1909 atau turut dikenali

dengan Perjanjian Bangkok 1909. Perjanjian ini melibatkan percaturan yang dilakukan oleh British melalui persetujuan Siam untuk menyerahkan kuasa ke atas beberapa negeri Melayu termasuk Terengganu kepada British (Wongwuthikun & Popattanachai, 2021).

Perjanjian Bangkok 1909 merupakan signifikasi penting dalam sejarah penjajahan British di Tanah Melayu. Perjanjian tersebut ditandatangani pada 10 Mac 1909 antara British dan Siam di Bangkok (FO 881/9573). Butiran perjanjian tersebut mengubah landskap politik di utara Semenanjung Tanah Melayu, termasuklah membuka ruang kepada British untuk campur tangan dalam negeri Terengganu. Walaupun Terengganu sebelum ini bukan di bawah penjajahan rasmi mana-mana kuasa Barat, Perjanjian Bangkok telah menjadi asas yang sah bagi British untuk memperluas pengaruh politik dan pentadbiran mereka ke negeri tersebut (FO 881/9573). Perjanjian ini bukan sahaja mengubah status hubungan antarabangsa Terengganu, tetapi turut mencetuskan perubahan dalam sistem politik dan pentadbiran dalam negeri itu sendiri.

Melalui Perjanjian Bangkok 1909, Siam bersetuju menyerahkan hak pengaruh ke atas Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu kepada British. Walaupun perjanjian ini dimeterai antara dua kuasa asing, namun bagi negeri-negeri yang terlibat iaitu Kelantan, Kedah dan Terengganu tidak diberi ruang untuk menyatakan pendirian mereka (FCO 141/15919). Sultan Terengganu ketika itu, Sultan Zainal Abidin III, tidak bersetuju dengan tindakan ini dan menolak sebarang bentuk campur tangan British. Baginda bertitah bahawa Terengganu perlu terlibat secara langsung untuk menyatakan pandangan sendiri dalam perjanjian tersebut kerana negeri ini mempunyai kedaulatannya yang sendiri.

Selain itu, Sultan Zainal Abidin III juga tidak mengiktiraf Siam sebagai penaung Terengganu. Justeru, Baginda menolak sebarang persetujuan yang dicapai terhadap perjanjian Bangkok 1909 (FCO 141/15919). Namun begitu, kuasa besar seperti British menggunakan perjanjian ini sebagai keabsahan kuasa tersebut untuk melebarkan pengaruh mereka ke atas Terengganu. Walaupun Terengganu tidak dimasukkan secara langsung ke dalam sistem Negeri-negeri Melayu Bersekutu, perubahan status tersebut membolehkan British untuk memperkenalkan sistem penasihat negeri seperti yang telah mereka laksanakan di negeri-negeri lain seperti di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Oleh demikian, Perjanjian Bangkok 1909 ini menjadi signifikasi terhadap permulaan British untuk campur tangan dan mempunyai alasan yang sah untuk berunding serta mempengaruhi dasar dalaman Terengganu.

Pengenalan Jawatan Penasihat Negeri oleh British di Terengganu

Pada tahun 1910, pentadbiran British telah menghantar wakilnya iaitu John Anderson, Gabenor Negeri-negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk berunding dengan Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin III (CO 840/1). Tujuan rundingan tersebut adalah melibatkan perubahan pentadbiran negeri. Anderson mencadangkan kepada Sultan bahawa seorang penasihat British perlu ditempatkan dalam pentadbiran negeri. Selain itu, Anderson turut menyatakan pegawai British yang ditempatkan dalam pentadbiran negeri akan dibiayai oleh hasil negeri Terengganu sepenuhnya, termasuk elaun dan tempat kediaman (CO 840/1). Intipati perjanjian yang dibuat turut melibatkan hal ehwal keselamatan negeri iaitu British memberi jaminan untuk membantu Terengganu dari aspek keselamatan dan ketenteraan (CO 840/1).

Pada peringkat awal, Sultan Zainal Abidin III keberatan untuk menandatangani perjanjian yang membolehkan seorang pegawai British dilantik di Terengganu. Baginda merasakan tiada keperluan untuk melantik pegawai British dalam pentadbiran negeri (FCO

141/15919). Walaupun begitu Sultan Zainal Abidin III terpaksa akur dengan kehendak British dan akhirnya menandatangani persetujuan untuk melantik seorang pegawai British bertaraf konsul dalam pentadbiran negeri (FCO 141/15919). Ekoran dari taraf konsul dalam perjanjian tersebut, pegawai British yang dilantik itu tidak memiliki kuasa eksekutif secara langsung, namun memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri, terutamanya melibatkan hubungan luar Terengganu.

Pada tahun 1919, sebuah lagi perjanjian ditandatangani yang memperkukuh peranan Penasihat British, sekali gus mengurangkan kuasa mutlak Sultan dalam urusan negeri. Perjanjian tersebut melibatkan butiran peranan penasihat dalam pentadbiran negeri. Perjanjian ini dimaterai antara Arthur Young, Gabenor Negeri-negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi bagi negeri-negeri Melayu bagi pihak British dengan Sultan Terengganu, Sultan Muhammad Muazzam Shah II. Tujuan perjanjian ini adalah untuk merombak semula tugas pegawai British yang dilantik iaitu dari bertaraf konsul kepada bertaraf Penasihat negeri. Tugas dan peranan Penasihat Negeri tersebut adalah sama dengan Residen iaitu terlibat secara langsung dalam pentadbiran eksekutif negeri (FO 93/99/51). Melalui termeterainya perjanjian ini, British dibenarkan untuk melantik seorang Penasihat Negeri yang baharu dan J. L. Humphreys merupakan Penasihat Negeri British yang pertama di Terengganu (FO 93/99/51).

Kedudukan Penasihat dalam Organisasi Negeri

Sistem pentadbiran British di Tanah Melayu sepanjang abad ke-19 dan awal abad ke-20 dibentuk berdasarkan strategi penjajahan secara tidak langsung atau *indirect rule*. Dalam sistem ini, pihak British mengekalkan institusi tradisional Melayu seperti institusi Sultan, namun kuasa sebenar diserahkan kepada pegawai British yang dilantik, terutamanya mereka yang memegang jawatan Residen atau Penasihat British (Soda, 2020). Walaupun pada zahirnya tugas Penasihat Negeri hanyalah sebagai 'penasihat' kepada Sultan, pada hakikatnya, mereka memainkan peranan yang amat penting dalam pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti Kelantan, Kedah, Terengganu dan Johor. Kedudukan Penasihat Negeri berada pada kedudukan strategik dalam hierarki pentadbiran British di Tanah Melayu (Jehwae, 2024).

Dari segi struktur hierarki, Residen atau Penasihat Negeri berada di bawah kuasa seorang Residen Jeneral selepas penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang pula berada di bawah bidang kuasa Pesuruhjaya Tinggi British. Pesuruhjaya Tinggi biasanya ialah Gabenor Negeri-negeri Selat, yang mewakili Kerajaan British di London (FCO 141/16700). Oleh itu, kuasa pentadbiran bermula dari Gabenor Jeneral, ke Pesuruhjaya Tinggi, kemudian ke Residen Jeneral, dan akhirnya ke para Residen dan Penasihat di negeri-negeri Melayu. Residen atau Penasihat Negeri tersebut menjadi individu paling berkuasa di negeri yang mereka ditugaskan, meskipun mereka secara rasmi digambarkan hanya sebagai penasihat kepada Sultan (FCO 141/16700).

Dalam amalan pentadbiran British, kuasa Penasihat Negeri meliputi pelbagai bidang penting. Individu yang dilantikan memainkan peranan mengawal hal ehwal kewangan, percukaian, pentadbiran tanah, perundangan, keselamatan, dan pembangunan infrastruktur. Malah, pegawai-pegawai tempatan Melayu sering berada di bawah seliaan Penasihat Negeri, manakala Sultan dikecualikan daripada campur tangan dalam urusan pentadbiran kecuali hal-hal berkaitan agama Islam dan adat istiadat Melayu (FCO 141/16700). Keadaan ini menunjukkan bahawa Penasihat Negeri bukan sahaja penasihat, tetapi merupakan *de facto*

pemerintah dalam sistem kolonial British. Perkara ini menjadi faktor Sultan Zainal Abidin III menentang pelantikan penasihat atau konsul di Terengganu. Beliau menyatakan pelantikan pegawai British dalam pentadbiran negeri akan menyebabkan pelbagai konflik berlaku (FCO 141/15919). Oleh demikian, pelantikan Penasihat Negeri di Terengganu hanya bermula pada 1919 iaitu selepas kemangkatan Sultan Zainal Abidin III.

Secara tidak langsung, kewujudan jawatan Penasihat British melemahkan kuasa Sultan secara signifikan. Sistem tersebut membolehkan British mengawal negeri-negeri Melayu tanpa perlu menjajah secara langsung dan pada masa yang sama, kuasa kolonial itu mengekalkan imej pemerintahan tradisional Melayu bagi mengaburi pembesar dan masyarakat (Lees, 2017). Strategi ini memudahkan British mengekalkan kestabilan politik sambil memaksimumkan keuntungan ekonomi, terutama melalui pengawalan hasil bumi.

Secara asasnya, Penasihat Negeri yang dilantik oleh British merupakan komponen penting dalam struktur pentadbiran penjajahan British di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Kedudukan mereka dalam hierarki pentadbiran menunjukkan bahawa kuasa sebenar berada di tangan pentadbir kolonial, bukan pemerintah tempatan. Melalui sistem ini, British berjaya mengawal pentadbiran negeri dengan berkesan, sambil mengekalkan wajah pemerintahan tradisional sebagai satu bentuk legitimasi bagi mengaburi pembesar dan masyarakat tempatan. Jawatan Penasihat Negeri ini bukan sekadar simbol penasihat pentadbiran, tetapi menjadi alat dominasi politik dan ekonomi yang sangat strategik dalam sistem penjajahan British di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Peranan Penasihat British terhadap Pentadbiran di Terengganu

Pengenalan pengaruh British secara rasmi di Terengganu bermula selepas termeterainya Perjanjian Bangkok 1909 yang meliputi penyerahan kuasa pengaruh Siam ke atas Terengganu kepada British. Walaupun Terengganu pada awalnya menolak kehadiran pentadbir British secara langsung, namun tekanan politik yang berterusan akhirnya membawa kepada pelantikan seorang Penasihat British secara rasmi pada tahun 1919 (Ariffin & Haslinda, 2020). Walaupun jawatan tersebut hanya digelar sebagai 'penasihat' kepada Sultan, namun secara teknikalnya, Penasihat Negeri memainkan peranan penting terhadap struktur pentadbiran negeri. Peranan ini telah mengubah landskap politik, ekonomi dan sosial Terengganu, serta menghadkan kuasa sebenar yang dimiliki oleh pemerintah tempatan.

Sebelum kedatangan penasihat British, Terengganu merupakan sebuah negeri yang masih mengekalkan autonomi politiknya, dengan pentadbiran yang berasaskan sistem tradisional Melayu-Islam. Sultan Zainal Abidin III yang memerintah ketika itu menolak campur tangan British dengan memperkenalkan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (1911) atau *Itqan Al-Muluk Bi Ta'dil As-Suluk* iaitu sebuah perlembagaan bertulis yang bertujuan mengekang kuasa luar, terutamanya British (CO 840/1). Namun, selepas kemangkatan baginda dan pelantikan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, British menggunakan peluang untuk menempatkan seorang penasihat khas terhadap pentadbiran Terengganu (Ariffin & Haslinda, 2020).

Setelah penasihat dilantik secara rasmi, pengaruh British mula tersebar luas dalam hampir semua aspek pentadbiran. Salah satu peranan utama Penasihat Negeri British ialah dalam pengurusan kewangan dan ekonomi negeri. Penasihat Negeri British berkuasa menentukan belanjawan, hasil cukai dan pengurusan sumber negeri. British memperkenalkan sistem percukaian yang lebih tersusun dan menekankan pengurusan hasil secara moden, termasuk hasil daripada sektor pertanian, perikanan dan perdagangan (CO 840/1). Selain itu,

Penasihat Negeri British turut berperanan dalam pentadbiran dan birokrasi kerajaan. Pegawai-pegawai tempatan yang sebelum ini dilantik oleh Sultan secara tradisional, kini tertakluk kepada sistem pentadbiran berasaskan struktur Barat. Pelantikan pegawai, pengurusan daerah, dan pengenalan jabatan-jabatan kerajaan dilaksanakan dengan kawalan dan panduan daripada pejabat penasihat (FCO 141/16700). Situasi tersebut secara langsung telah melemahkan sistem tradisional pentadbiran Melayu dan mengalihkan kuasa sebenar daripada istana kepada pegawai British.

Dalam bidang perundangan dan kehakiman, Penasihat Negeri British memperkenalkan undang-undang sivil British yang diselaraskan dengan sistem kehakiman negeri. Mahkamah moden ditubuhkan dan peranan mahkamah syariah dihadkan kepada hal-hal kekeluargaan dan agama Islam sahaja. Pengenalan sistem perundangan ini bukan sahaja mengubah wajah keadilan di Terengganu, malah memperkukuh penguasaan British terhadap rakyat tempatan (FCO 141/16700). Peranan Penasihat British juga jelas dalam sektor pendidikan dan infrastruktur. Sekolah-sekolah vernakular dan Inggeris mula didirikan, dengan tujuan bukan sahaja untuk mendidik tetapi juga untuk melahirkan golongan pentadbir yang setia kepada British (FCO 141/16700). Dari segi pembangunan infrastruktur seperti, jalan raya, pelabuhan dan kemudahan asas mula dibangunkan untuk menyokong sistem pentadbiran dan ekonomi kolonial, bukan semata-mata untuk manfaat rakyat tempatan.

Secara asasnya, peranan Penasihat Negeri British terhadap pentadbiran di Terengganu sangat besar dan menyeluruh. Meskipun British mendakwa mereka hanya memberi 'nasihat', hakikatnya Penasihat Negeri British mengawal sepenuhnya arah pentadbiran negeri iaitu dari kewangan hingga ke pendidikan. Perubahan yang dibawa oleh sistem ini bukan sahaja melemahkan kedaulatan politik Terengganu, malah mencetuskan perubahan sosial dan budaya yang mendalam. Justeru, peranan Penasihat Negeri British harus dilihat bukan hanya sebagai satu fungsi birokrasi, tetapi sebagai tindakan perluasan kuasa kolonial dalam bentuk yang terselindung.

Konflik Tindakan Penasihat British di Terengganu

Pelantikan Penasihat Negeri British secara rasmi di Terengganu pada tahun 1919 merupakan titik perubahan besar dalam sejarah pentadbiran negeri tersebut. Walaupun peranan penasihat secara rasmi hanyalah memberi nasihat kepada Sultan, hakikatnya tindakan dan pengaruh British menjangkau batasan 'nasihat' dan seringkali mencetuskan ketegangan serta konflik dalam kalangan pemerintah dan rakyat tempatan (Rosinger, 2023). Tindakan tertentu oleh Penasihat Negeri British bukan sahaja bercanggah dengan nilai tempatan dan struktur tradisional, malah menimbulkan penentangan terbuka yang akhirnya membawa kepada pemberontakan (Yatim, 2021). Konflik ini menjadi bukti bahawa tindakan pelantikan Penasihat Negeri British di Terengganu walaupun dilaksanakan secara tidak langsung, telah mencabar kedaulatan negeri dan ketenteraman sosial.

Antara konflik utama yang berlaku akibat daripada tindakan Penasihat Negeri British ialah berkaitan pengurusan tanah dan hak milik rakyat. British memperkenalkan sistem pendaftaran tanah yang menuntut rakyat mendaftarkan tanah yang dimiliki, selain mewajibkan bayaran cukai yang lebih tinggi (CO 1071/243). Bagi masyarakat Melayu yang terbiasa dengan pemilikan tanah secara adat atau turun-temurun, sistem ini dianggap tidak adil dan merampas hak mereka. Tambahan pula, banyak tanah yang dianggap milik orang kampung telah diambil alih untuk tujuan komersial atau dibuka kepada pedagang luar (CO

1071/243). Situasi tersebut mencetuskan ketegangan besar, terutama di kawasan pedalaman seperti Hulu Terengganu.

Konflik semakin memuncak apabila pihak British, melalui Penasihat Negeri, mula menguatkuasakan undang-undang British ke atas masyarakat tempatan, termasuk dalam sektor pertanian dan ekonomi. Misalnya, British mengenakan kawalan ketat ke atas penanaman padi dan memperkenalkan lesen serta cukai ke atas ternakan dan hasil bumi (CO 1071/243). Perkara tersebut menimbulkan kemarahan rakyat, khususnya para petani dan penternak yang sudah sedia hidup dalam kesusahan. Tindakan ini bukan sahaja dilihat sebagai bentuk penindasan, tetapi juga bercanggah dengan prinsip keadilan Islam yang dijunjung tinggi oleh masyarakat tempatan.

Kemuncak konflik akibat tindakan Penasihat Negeri British tersebut menyebabkan berlakunya pemberontakan yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong iaitu seorang ulama dan pejuang masyarakat tempatan. Konflik ini turut dikenali dengan Pemberontakan Tani 1928. Beliau menentang tindakan British yang mengenakan syarat dan cukai ke atas pembukaan tanah untuk pertanian tanpa merujuk kepada hukum Islam atau kuasa Sultan (Izziah, 2024). Haji Abdul Rahman Limbong dan pengikutnya menanam padi di tanah kerajaan tanpa permit, kerana berpegang kepada pandangan bahawa tanah di Terengganu adalah hak milik Tuhan (Allah) untuk masyarakat. Setelah British mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka, perasaan tidak puas hati meletus menjadi pemberontakan bersenjata di Kuala Berang pada 1928 (CO 852/95/6).

Pemberontakan tersebut membuktikan konflik yang tercetus akibat tindakan Penasihat Negeri British yang mencampuri urusan percukaian di Terengganu tanpa membuat perbincangan dengan pembesar negeri dan Sultan (CO 852/95/6). Perkara tersebut bukan sekadar melibatkan isu pentadbiran, tetapi membuktikan penolakan terhadap dasar kolonial yang bertentangan dengan nilai agama, adat dan keadilan sosial. Pihak British bertindak keras untuk menumpaskan pemberontakan tersebut. Haji Abdul Rahman Limbong akhirnya ditangkap, seterusnya dibuang negeri ke Mekah, manakala ramai pengikutnya dihukum penjara atau dibuang daerah (CO 1071/254). Kesan pemberontakan tersebut sangat besar kerana situasi yang berlaku menunjukkan tindakan Penasihat Negeri British mengakibatkan berlakunya perpecahan antara rakyat dan pemerintah serta mencetuskan krisis kepercayaan terhadap pelantikan Penasihat Negeri British di Terengganu.

Selain konflik dengan rakyat, tindakan Penasihat Negeri British turut mencetuskan ketegangan dengan istana. Walaupun Sultan masih berkuasa dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu, namun secara realitinya, Penasihat Negeri British sering campur tangan dalam urusan tersebut secara langsung (Ramli et al., 2018). Situasi yang berlaku itu melemahkan kedudukan Sultan sebagai pemerintah berdaulat dan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pembesar dan rakyat yang setia kepada Sultan (Izziah, 2024). Kuasa tradisional Sultan terhakis dan istana sering terpaksa akur kepada arahan pentadbiran kolonial.

Antara konflik yang berlaku melibatkan istana dan Penasihat Negeri British adalah perkara yang melibatkan hal ehwal agama, terutamanya pelantikan individu yang penting dalam jawatan agama negeri seperti mufti dan imam. Sebelum kedatangan British, institusi agama Islam di Terengganu berada di bawah kawalan sepenuhnya oleh pihak istana dan Sultan. Sultan mempunyai kuasa penuh dalam melantik mufti, imam dan pegawai agama lain yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran negeri, khususnya dalam hal-hal berkaitan undang-undang Islam dan adat (Nordin, 2020). Namun begitu, setelah British mula meluaskan pengaruh mereka ke negeri-negeri Melayu, termasuk Terengganu, mereka mula

mencampuri urusan agama bagi memastikan golongan ulama tidak menentang dasar British (Lees, 2017).

Situasi tersebut berlaku apabila Penasihat Negeri British mencampuri urusan pelantikan mufti di Terengganu secara langsung. Penasihat Negeri British hanya menyokong pelantikan mufti yang dianggap lebih 'bertoleransi' dan pro-British, iaitu tidak menentang dasar-dasar pentadbiran mereka. Perkara tersebut menyebabkan munculnya ketegangan antara golongan ulama tradisional dan Penasihat Negeri British (CO 840/1). Antara tindakan yang dilakukan oleh Penasihat Negeri British berusaha untuk menyingkirkan Dato Indera Guru Mohd Salleh bin Ismail sebagai Mufti Terengganu. Beliau dilantik sebagai Mufti bermula 1912. Beliau merupakan seorang ulama berpengaruh dan dikenali sebagai ulama yang tegas dan berpegang kuat kepada ajaran Islam (Lees, 2017).

Antara tindakan yang dilakukan oleh Dato Indera Guru Mohd Salleh adalah menggalakkan kerjasama antara umat Islam dan mengelakkan bekerjasama dengan orang kafir. Walaupun begitu, tindakan yang dilakukan oleh Dato Indera Guru Mohd Salleh tersebut bukanlah fatwa yang dikeluarkan secara rasmi, tetapi meliputi ajaran agama yang dilakukan di masjid (CO 1071/254). Namun, Penasihat Negeri British, J. L. Humphrers menyatakan arahan yang dikeluarkan oleh Dato Indera Guru Mohd Salleh akan mencetuskan pemberontakan baharu di Terengganu. Oleh demikian, Humphrers dikatakan tidak senang dengan pengaruh dan ketegasan beliau kerana dianggap berpotensi menggerakkan penentangan terhadap pengaruh British di Terengganu. Akibatnya, berlaku tekanan secara halus untuk menyingkirkan beliau daripada jawatan Mufti dan menggantikannya dengan tokoh yang lebih 'lunak' dengan British (CO 1071/254).

Tindakan yang dilakukan oleh Humphreys membuktikan berlakunya campur tangan British dalam pentadbiran agama di Terengganu. Perkara tersebut secara tidak langsung telah mencetuskan ketegangan antara Pejabat Agama dan Humphreys selaku Penasihat Negeri British. Dalam konteks pemerintahan kolonial, British sering mendakwa bahawa mereka tidak mencampuri urusan agama Islam yang dianggap sebagai urusan eksklusif Sultan dan ulama tempatan (CO 1071/254). Namun, dalam realiti pentadbiran, British tetap berusaha mengawal institusi agama apabila mereka merasakan bahawa pengaruhnya boleh mengancam kestabilan kuasa kolonial.

Ketegangan ini jelas terlihat apabila Humphreys tidak bersetuju dengan pendekatan tegas yang dibawa oleh Dato' Indera Guru Mohd Salleh, khususnya dalam usaha beliau mengukuhkan perpaduan umat Islam dan menolak kerjasama dengan bukan Islam. Bagi British, pendirian tersebut mendorong kebangkitan semangat anti-penjajah yang berselindung di sebalik retorik agama (CO 1071/254). Oleh itu, Humphreys memandang tindakan Dato' Indera Guru Mohd Salleh sebagai sesuatu yang bersifat subversif dan berpotensi mencetuskan penentangan terhadap pentadbiran British di Terengganu. Kebimbangan ini menyebabkan Humphreys campur tangan secara tidak langsung untuk menyingkirkan Dato' Indera daripada jawatan mufti (CO 1071/254).

Langkah ini telah mencetuskan ketegangan dalam hubungan antara institusi agama dan pihak British. Pejabat Agama yang melihat usaha menyingkirkan Dato Indera Guru Mohd Salleh sebagai satu bentuk pencerobohan ke atas urusan agama, mula menunjukkan rasa tidak puas hati (CO 1071/254). Walaupun tidak berlaku penentangan terbuka, tekanan dan ketegangan ini menunjukkan wujudnya percanggahan prinsip antara ulama tempatan yang berusaha mengekalkan kedaulatan agama dengan pihak penjajah yang ingin memastikan semua institusi termasuk agama tunduk kepada kepentingan mereka.

Secara asasnya, tindakan Penasihat Negeri British di Terengganu telah menimbulkan pelbagai konflik yang mencabar kestabilan sosial dan politik negeri tersebut. Campur tangan dalam pengurusan tanah, cukai, perundangan, serta pentadbiran harian telah membawa kepada penentangan terbuka daripada rakyat dan tokoh-tokoh agama seperti Haji Abdul Rahman Limbong. Konflik ini menggambarkan ketegangan antara sistem penjajahan Barat dan nilai-nilai tradisional Melayu-Islam. Meskipun British mendakwa mereka membawa kemajuan dan ketertiban, tindakan-tindakan yang menindas dan tidak peka terhadap sensitiviti tempatan akhirnya menjadi punca kepada penentangan dan pemberontakan yang membekas dalam sejarah politik Terengganu.

Kesimpulan

Secara konklusinya, pelantikan Penasihat British di Terengganu antara tahun 1909 hingga 1928 merupakan langkah strategik untuk mengukuhkan dominasi kolonial di negeri-negeri Melayu melalui kaedah pentadbiran tidak langsung. Walaupun pada zahirnya British mendakwa hanya bertindak sebagai penasihat, hakikatnya mereka memainkan peranan yang amat besar dalam menentukan dasar negeri, termasuk dalam urusan agama, pendidikan, ekonomi dan perundangan. Hal ini bukan sahaja menjejaskan kedaulatan institusi tradisional seperti istana dan pejabat agama, tetapi turut mencetuskan pelbagai konflik sosial dan budaya dalam kalangan rakyat. Penolakan terhadap campur tangan British, khususnya terhadap perkara yang melibatkan masyarakat seperti yang ditunjukkan melalui ketegangan antara tokoh ulama seperti Haji Abdul Rahman Limbong dan Dato' Indera Guru Mohd Salleh, mencerminkan penentangan halus terhadap penjajahan British. Perkara tersebut turut membuktikan wujudnya kesedaran politik yang semakin berkembang dalam kalangan masyarakat tempatan. Oleh demikian, pelantikan Penasihat Negeri British bukan sekadar isu pentadbiran, tetapi merupakan satu titik penting dalam sejarah pertembungan antara kuasa kolonial dengan identiti dan kedaulatan tempatan.

Rujukan

- Adirex, P. (2020). *Rattanakosin: The Birth of Bangkok*. London: Aries Book.
- Ariffin, A & Haslinda, N. (2020). The Effects of the Anglo-Siamese Treaty 1909 on Northern Malay States. 2nd International Conference on Humanities (ICH 2019), 30-31 October, 2019, Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- CO 1071/243. (1924). Unfederated Malay States: Colonial Reports.
- CO 1071/254 (1930). State of Trengganu (Terengganu): Colonial Reports.
- CO 840/1 (1911). Terengganu Administration Reports.
- CO 840/1 (1915). Terengganu Administration Reports.
- CO 852/95/6. (1937). Economic Survey of the Colonial Empire: Unfederated Malay States.
- Fan, Y. & Silahudin, S. (2024). Sorotan Kajian Antropologi Budaya Masyarakat Melayu di Kelantan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 7(1), 37–50. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/56713>
- FCO 141/15897. (1908). Singapore: Malay Peninsula negotiations with Siam.
- FCO 141/15919 (1909). Attitude of the Sultan of Terengganu.
- FCO 141/16426. (1901). Negotiations with Siam; views of the Governor of the Straits Settlements on the boundary questions between Perak and Raman and Pahang and Terengganu and the extradition of criminals from Siamese states.

- FCO 141/16439. (1901). Singapore: negotiations with Siam; Extradition Enactments for the Federated Malay States.
- FCO 141/16700. (1920). Federated Malay States; decentralisation policy.
- FO 881/9012. (1907). SIAM: Memo. of Conference. Mr. Strobel's Proposal. Cession to Great Britain of Kelantan, Trengganu, and Kedah and Jurisdiction over British Subjects in Siam. Bound: Siam.
- FO 881/9573. (1909). Anglo-Siamese Treaty of Mar. 10, 1909. Steps taken to carry its Provisions into effect and results so far discernible.
- FO 93/95/16. (1903). Declaration. Draft Agreement and Notes: Kelantan and Trengganu.
- FO 93/99/51. (1919). Treaty. Extradition. British Protected States in Malay Peninsula.
- Izziah, A. & Ezad, A. J. (2023). The Wisdom of Sultan Zainal Abidin III in Dealing with British Inteferece in Terengganu After The 1909 Bangkok Treaty. *International Journal of Advanced Research*, 11(05), 1526-1531.
- Izziah, A. (2024). *Sejarah Terengganu Menjelang Campur Tangan British 1919*. Bangi: UKM Press.
- Jehwae, A. (2024). Manifestasi Sosiobudaya Dalam Lagu Rakyat Melayu Patani dan Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 7(1), 95–114. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/56718>
- Lees, L. H. (2017). *Planting Empire, Cultivating Subjects British Malaya, 1786-1941*. London: Cambridge University Press.
- Mokhtar, M. S. (2021). Perjanjian Anglo-Siam 1909: Pengukuhan Imperialisme British dan Liabiliti kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1909-1920. *Akademika*, 91 (3):155-169.
- Nordin, M. K. (2020). Pengajian Melayu dan Masa Depan: Keperluan Membangun Naratif Baru. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 1–20. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/27628>
- Ramli, M. A., Saad, N. A., & Jaafar, S. M. J. S. (2018). Perspektif M. B. Hooker Tentang Adat Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 106–136. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/13386>
- Rosinger, L. K. (2023). *The State of Asia: A Contemporary Survey*. Singapore: Routledge.
- Snidvongs, N. (2023). *Siam's Foreign Relations in the Reign of King Mongkut, 1851-1868*, Bangkok: International Studies Center.
- Soda, N. (2020). *Conceptualizing the Malay World Colonialism and Pan-Malay Identity in Malaya*. Tokyo: Kyoto University Press.
- Wahab, N. A. A., Sulaiman, R, Noor, A. M., Mohd Firdaus Abdullah & Hassan, N. M. (2022). Itqan Al-Muluk bi Ta'dil As-Suluk: The Implication of Terengganu Institution 1911 Promulgation. *Journal of Al-Tamaddun*, Vol. 17 (2), 2022, 25-38.
- Winichakul, T. (2021). *Siam Mapped: A History of the Geo-Body of a Nation*. Hawaii: University of Hawaii Press
- Wongwuthikun, K. & Popattanachai, N. (2021). *Siam and the Standard of Civilisation in the Nineteenth Century*. London: Cambridge University Press.
- Yatim, R. (2021). Konsep Budi dan Cabaran Semasa. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 1–9. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/34271>.